

SunCon terima tiga kontrak RM496.8j

Kuala Lumpur: Sunway Construction Group Berhad (SunCon) menerima tiga kontrak bernilai RM496.8 juta menjadikan kumpulan berjaya melepasi nilai tempahan RM1.5 bilion bagi tahun kewangan 2019.

Projek pertama yang diterima kumpulan adalah pembinaan daripada Petronas Management Training Sdn Bhd dan penyiapan Pusat Kepimpinan Petronas di Bangi dengan nilai RM310 juta.

Pembinaan itu melibatkan tempat letak kereta, empat tingkat bangunan institusi, dua rumah pengawal, surau dan kerja-kerja berkaitan lain serta menaik taraf bangunan sampingan.

Manakala, projek kedua adalah daripada Sunway South Quay dengan jumlah kontrak sebanyak RM119 juta untuk kerja di Sunway South

Quay, Sunway City Kuala Lumpur.

Pengarah Urusannya, Chung Soo Kiong berkata, pihaknya gembira dengan pencapaian kumpulan menjelang akhir tahun ini.

"Kami akan terus berusaha mendapatkan kontrak baharu dan meneruskan strategi pengembangan kami ke Asean dan India," katanya dalam kenyataan dikeluarkan, semalam.

Selain itu, SunCon juga mendapat projek ketiga daripada Oxley Rising Sdn Bhd bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan sistem voltan rendah elektrik serta mekanikal dan elektrik untuk cadangan pembangunan komersil bercampur yang terdiri daripada suite perkhidmatan, hotel dan blok pejabat di Jalan Ampang dengan nilai RM67.8 juta.